



TEKS UCAPAN ALUAN

OLEH

**Y.BHG. TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI
PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**DI MAJLIS PENUTUPAN PERSIDANGAN
SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA, NEGERI DAN PELAJARAN KALI KE-XI**

DI DAMAI PURI RESORT, KUCHING, SARAWAK

PADA 21 OGOS 2008

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan,
Ketua Setiausaha Negara,

Yang Berbahagia Dato' Ngah Senik,
Setiausaha Persekutuan Sarawak,

Yang Berbahagia Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya, Timbalan
Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Tetamu-tetamu jemputan khas dan para peserta persidangan
yang dihormati sekalian,

MUKADIMAH

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan.

1. Alhamdulillah, saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan inayahNya, kita telah sampai ke akhir Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Kali Ke-11 yang telah bermula sejak hari Isnin, 18 Ogos 2008 yang lalu.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara, yang telah sudi bersama-sama kita dalam majlis perbincangan sebentar tadi dan seterusnya akan menyempurnakan majlis penutupan nanti. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri amat bermakna kepada para peserta persidangan kerana dapat berkongsi idea mengenai pelbagai perkara, terutamanya yang melibatkan peranan dan cabaran Suruhanjaya pada masa akan datang serta perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

3. Seperti yang Y. Bhg. Tan Sri sedia maklum, persidangan seumpama ini telah diadakan dengan jayanya di Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun lepas. Mengikut amalan, persidangan ini akan diadakan 2 tahun sekali mengikut giliran antara negeri-negeri. Walaubagaimanapun, memandangkan terdapat keperluan ke arah proses penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan telah membuat keputusan melalui resolusi semasa persidangan yang lepas bahawa persidangan sebegini sepatutnya diadakan setiap tahun. Sehubungan dengan itu, Negeri Sarawak Bumi Kenyalang telah dipilih untuk menjadi tuan rumah pada kali ini dengan anjuran bersama oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya

Perkhidmatan Pelajaran serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, persidangan pada kali ini telah mencatatkan sejarah yang tersendiri di mana buat pertama kalinya ia diadakan pada setiap tahun.

TEMA, OBJEKTIF DAN MATLAMAT PERSIDANGAN

Tan Sri, Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman Y.Bhg Tan Sri, persidangan pada kali ini adalah bertemakan "**Perkhidmatan Awam Untuk Semua**". Pemilihan tema ini sebenarnya amat berkait rapat dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Kewibawaan Suruhanjaya sebenarnya diukur melalui keupayaannya melaksanakan fungsi-fungsi yang telah diamanahkan dengan lebih berkesan. Dalam melaksanakan fungsi-fungsi ini, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan perlu memastikan prinsip kesaksamaan kepada semua golongan dalam apa jua urusan.

5. Objektif persidangan ini iaitu sebagai wadah perkongsian maklumat, pengetahuan serta pengalaman dan juga sesi percambahan idea-idea baru dalam menangani pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan urusan pengambilan, pelantikan dan perkhidmatan awam pada amnya telah

disempurnakan dalam 6 sesi pembentangan yang melibatkan 8 kertas kerja. Persidangan pada kali ini banyak memperlihatkan penglibatan pelbagai pihak daripada sektor awam dan swasta dalam berkongsi amalan-amalan terbaik mereka dengan semua peserta persidangan. Melalui kertas-kertas yang telah dibentangkan, para peserta persidangan dapat menimba pengalaman daripada amalan urusan pengambilan sektor swasta dan bagaimana mencari bakat terbaik tanpa mengira kaum, keturunan, agama dan kelainan lain untuk disesuaikan dengan kaedah yang digunakan dalam perkhidmatan awam.

6. Selain itu, persidangan ini juga dapat memperlihatkan keprihatinan dan memberi kesedaran kepada semua Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dalam mengambil tindakan susulan daripada keputusan kerajaan untuk memberi pertimbangan khas kepada golongan Kurang Upaya (OKU) untuk menyertai perkhidmatan awam. Ini bertepatan dengan tema persidangan pada kali ini iaitu “**Perkhidmatan Awam Untuk Semua**”.

7. Persidangan ini juga dapat memperkemaskan pengetahuan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang menjadi badan yang memutuskan atau menghakimkan keputusan tatatertib tentang peri pentingnya prinsip-prinsip keadilan asasi dalam perkara-perkara berhubung urusan perkhidmatan. Dua prinsip asas yang perlu dititik beratkan ialah hak untuk didengar (*audi alteram partem*) dan prinsip mencegah berat sebelah (*nemo iudex in causa sua*).

8. Berdasarkan penilaian dan pengamatan saya sepanjang berlangsungnya persidangan ini, saya dapati para peserta persidangan banyak melibatkan diri secara aktif dalam setiap sesi perbincangan dan ini menunjukkan adanya kesungguhan dalam diri para peserta untuk berkongsi pendapat dan seterusnya menjayakan matlamat persidangan. Sesungguhnya, perkongsian maklumat dan idea sebegini akan membolehkan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan mengenalpasti proses kerja terbaik dan seterusnya melaksanakannya di organisasi masing-masing.

HARAPAN DARI PERSIDANGAN

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

9. Sesungguhnya saya amat berharap para peserta telah memperolehi faedah daripada persidangan yang diadakan pada kali ini sebagaimana yang disasarkan dalam objektif persidangan. Peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam dalam perbincangan tadi adalah satu kesempatan yang sukar diperolehi dan idea-idea yang diperolehi dari sesi itu perlu dijadikan panduan terutamanya cadangan dan teguran membina beliau dan seterusnya direalisasikan dan dilaksanakan demi kepentingan negara.

10. Saya juga amat mengharapkan agar perubahan dapat dilaksanakan melalui tindakan dan tidak menjadikan persidangan ini hanyalah satu rutin tahunan. Saya amat berbesar hati jika para peserta persidangan dapat membuat perbandingan dan penilaian yang berterusan terhadap prestasi perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan mahupun *stakeholder* kita selama ini. Sewajarnya terdapat penambahbaikan yang berterusan dalam usaha menuju kecemerlangan.

PENUTUP

11. Saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara, dan juga kepada pihak penganjur bersama persidangan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dengan kerjasama penuh daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Tidak lupa juga kepada pembentang kertas kerja dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran persidangan pada kali ini.

12. Diharap para peserta mendapat manfaat terbaik sepanjang persidangan dan semoga kita semua dapat berjumpa lagi pada persidangan akan datang dengan ilmu dan idea baru untuk dikongsi sewajarnya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.